

Kelestarian UiTM Cawangan Perak

Dengan latar belakang dan konsep hijau di dalam kampus, UiTM Cawangan Perak tidak menoleh ke belakang apabila menyasarkan untuk menjadi satu daripada universiti hijau yang tersenarai dalam UI Green Metric World University Ranking pada tahun 2020 menerusi perancangan strategik 2016-2020 yang ditambah baik.

Sejak tahun 2013, konsep Hala Tuju Hijau dilancarkan. Ahli akademik berkumpul dan berancang tentang hala tuju dan kelestarian universiti. Pada 9-10 November 2016 ini pula, UiTM Cawangan Perak akan menganjurkan Pertandingan Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk Antarabangsa Kelima (INDES 2016) dengan tema Inspirasi Masa Hadapan. Bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang hai ini, ikuti wawancara sidang editor majalah *Dewan Kosmik* bersama-sama dengan Profesor Madya Sr. Dr. Md. Yusof Hamid, Rektor UiTM Cawangan Perak.

DK: Apakah konsep universiti hijau ini?

Prof. Lebih kurang 13 inisiatif diwujudkan untuk menyokong matlamat kampus hijau ini menerusi pembentukan jawatankuasa hijau. Penyelenggaraan hijau, seperti penggunaan plastik yang dapat atau mudah dilupuskan diamialkan. Bahan pencuci yang digunakan pula perlu mesra alam dan tidak mencemarkan alam. Yang terkini, polisi kampus hijau diwujudkan di kampus Seri Iskandar dan kampus Tapah. Polisi ini dapat digunakan oleh warga, pelajar dan tetamu.

Selain itu, Program Kolej Kediaman Hijau diadakan. Blok kediaman dinaikkan taraf supaya berkonsepkan amalan hijau. Larangan penggunaan polistirena dalam perkhidmatan penyediaan makanan di dewan makan dan kafeteria kampus juga dikuatkuasakan.

Menerusi inisiatif penjimatan elektrik pula, semua bekalan elektrik ditutup antara pukul 2.00 pagi hingga pukul 5.00 pagi. Di samping itu, konsep penggunaan basikal diamalkan bagi mengurangkan pencemaran daripada asap kenderaan. Sebagai peringat akhir, konvensyen yang melibatkan pelajar yang dikenali sebagai Konvensyen Kolej Bestan dianjurkan.

Dari segi pendidikan, menerusi kerjasama daripada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Pusat Penyelidikan Hijau ditubuhkan untuk mengkaji penyelidikan atau bahan terkini yang dapat digunakan dalam pembinaan yang mesra alam. Antara perkara yang ditunjukkan kepada pelajar dan ahli akademi termasuklah kaedah tadahan air hujan dan penggunaan tenaga solar.

Kampus hijau ini tidak difokuskan dari segi fizikal sahaja tetapi juga sekitarnya. Pusat kesihatan UiTM pula merangka program Kesihatan dan



Profesor Madya Sr. Dr. Md. Yusof Hamid.

Gaya Hidup Aktif, iaitu Anti-4G (gemuk, gendut, gempal, gebu). Menerusi Anti-4G ini, penggunaan tenaga dan kenderaan di kampus dikurangkan dengan kaedah berjalan kaki atau berbasikal.

DK: Apakah keunikan UiTM Cawangan Perak?

Prof. UiTM Cawangan Perak menawarkan program pengajian yang lengkap daripada program pradiploma hingga doktor falsafah (PhD). Dalam hal ini, program yang menyokong inisiatif kampus hijau, seperti program Sarjana Senibina Hijau dan Program PhD Reka Bentuk dan Alam Bina ditawarkan di bawah Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur (FSPU).

Keunikan yang lain ialah kampus ini dikelilingi oleh hutan semula jadi. Menerusi polisi yang ditetapkan, hanya semak samun yang boleh dibersihkan, sementara penebangan pokok tidak boleh dilakukan sesuka hati. Hutan ini membantu menjadikan UiTM Cawangan Perak sebagai kampus lestari.

Yang istimewanya, ada spesies keruing padi di kampus ini. Spesies ini hanya didapati di dua tempat di dunia. Bagi kawasan pokok keruing padi, ekosistemnya tidak boleh diganggu. Sehubungan dengan itu, memorandum persefahaman dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dilaksanakan untuk mengekalkan kawasan spesies ini.

Pada masa akan datang, laluan khas mungkin diwujudkan supaya orang awam dapat melawat pokok di hutan ini. Walau bagaimanapun, penyediaan pelantar mungkin menjejaskan ekosistem pokok.

Dari segi akademik, hampir 20 peratus pelajar terlibat dalam kepimpinan universiti. Pelajar juga dilibatkan untuk membuat keputusan bagi aktiviti yang hendak dilaksanakan. Dari segi inovasi dan penyelidikan, Kumpulan Inovasi Kerja diwujudkan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, ada hampir 600 staf akademik dan 80 pensyarah yang mempunyai PhD (12% daripada seluruh tenaga akademik). Jumlah pensyarah yang mempunyai PhD ini akan ditingkatkan hingga 30 peratus menjelang tahun 2020. Di UiTM Cawangan Perak juga ada Kompleks Sukan yang dilengkapi kemudahan sukan dan enam buah padang.

DK: Apakah konsep dan matlamat penyelidikan UiTM Cawangan Perak?

Prof. Konsep penyelidikan UiTM Cawangan Perak berteraskan komuniti, iaitu untuk dimanfaatkan oleh komuniti. Sebagai contohnya, penyelidikan pembinaan seni tiga dimensi bagi mencegah jenayah di Taman Ipoh dilakukan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh. Selain itu, ada pensyarah yang mewujudkan kriteria dan petunjuk bagi pokok yang dikategorikan sebagai pokok bersejarah di Perak.

Pensyarah daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) pula membantu usahawan dari segi reka bentuk pembungkusan, penjenamaan dan penyediaan rancangan perniagaan.

Tidak kurang, ada juga pensyarah yang membuat penyelidikan berkaitan dengan kesan banjir di Kelantan dan cara mengajar pelajar luar bandar dan pelajar Malaysia dalam bahasa Inggeris.

Khidmat perundingan juga diberikan kepada Kerajaan Negeri Perak, seperti menghasilkan mercu tanda dari segi konsep landskap dan pembangunan tasik di Majlis Daerah Perak Tengah. Kerjasama dengan Pelancongan Perak pula dijalinan untuk membantu agensi ini dari segi promosi produk pelancongan di Perak. Pensyarah FSSR aktif bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) untuk menghasilkan reka bentuk pakaian, pakaian korporat dan pakaian untuk menyambut sambutan hari kemerdekaan. Tidak ketinggalan, menerusi program Kejar Impian Anda, pelajar dibantu untuk masuk ke universiti atau ditunjukkan haluan dan laluan kerjaya.

DK: Apakah strategi untuk menjadikan UiTM Cawangan Perak sebagai antara universiti terunggul di Malaysia?

Prof. Yang pertamanya, menjadikan universiti ini disedari oleh masyarakat setempat menerusi peluang pengajian dan pembelajaran, selain pemindahan teknologi dan kerjasama penyelidikan. Yang keduanya, memantapkan penyelidikan berteraskan kekuatan yang dimiliki, seperti Program Alam Bina dan Program Reka Bentuk Seni serta potensi hutan yang ada. Yang ketiganya, meningkatkan impak penyelidikan berteraskan komuniti.

DK: Apakah impak penganjuran INDES 2016 terhadap UiTM Cawangan Perak?

Prof. Penganjuran INDES 2016 bertujuan untuk menggalakkan inovasi yang berteraskan masa hadapan, penggunaan teknologi hijau dan yang dapat membantu komuniti setempat dalam kalangan ahli akademik dan dalam dan luar negara, serta pelajar sekolah dari seluruh Malaysia. Secara tidak langsung, bakat dan kreativiti pencipta dapat ditonjolkan.

Produk yang berpotensi pula dapat terus dipatenkan dan dihidupkan, seterusnya dikomersialkan.

Menerusi INDES 2016, ada kategori orang kurang upaya (OKU). Kategori ini diwujudkan untuk memberikan peluang kepada pencipta produk untuk mempamerkan produk yang berkaitan dengan orang kurang upaya dengan lebih meluas. Untuk maklumat lanjut, layari <http://indes2016.wix.com/indes>.

Pemenang kategori Anugerah Berlian (Diamond Award) pula akan dipilih dan produknya dipatenkan dan dihidupkan. Menerusi Research Innovation Business Unit (RIBU), pencipta produk dibenarkan untuk mendaftarkan syarikat dan mengomersialkan produk. RIBU turut membantu pencipta produk untuk bekerjasama dengan pihak industri.

DK: Apakah pencapaian terbaik UiTM Cawangan Perak?

Prof. Lebih kurang 38 peratus pensyarah terlibat dalam penyelidikan pada tahun 2014 dan sebanyak 29 peratus pensyarah terlibat dalam inovasi. Kini, nilai perolehan geran yang direkodkan berjumlah RM2.8 juta.

Produk yang berjaya dikomersialkan ialah Biodata Istimewa Perdana Menteri Malaysia. Menerusi produk ini, sumbangan dan maklumat tertentu Perdana Menteri Malaysia diketengahkan dalam bentuk grafik. Produk ini diedarkan ke sekolah. Institusi Pengajian Tinggi dan agensi kerajaan untuk digantung.

Selain itu, ada penyelidik yang mengintegrasikan konsep pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan tablet bagi pengajaran subjek Matematik. Menerusi Projek Tablet PC, iaitu pengajaran secara tablet, kelulusan pelajar dalam subjek Matematik meningkat.

Di samping itu, kebolehpasaran pelajar pula melebihi 80%. Dalam tempoh lima tahun akan datang, UiTM Cawangan Perak disasarkan untuk dapat mempelopori inisiatif sebagai kampus lestari, melonjakkan pencapaian ahli akademi dan melahirkan pelajar yang unggul. □

Control NO: 0000275041

file name: mapeducation/2016/Edy2016 A04.pdf

education - IPTA / IPTS

Pg: 16-17